



## [THE IMPLEMENTATION AND MANAGEMENT OF TOURISM MOSQUE IN MALAYSIA]

### PELAKSANAAN DAN PENGURUSAN MASJID PELANCONGAN DI MALAYSIA

Mohd Hilmee Umar<sup>1</sup>  
Muhamad Faisal Ashaari<sup>2\*</sup>

<sup>1</sup>Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan,  
50480 Kuala Lumpur, Malaysia.

<sup>2</sup>Pusat Kesejahteraan Insan dan Komuniti, Fakulti Pengajian Islam,  
Universiti Kebangsaan Malaysia 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

\*Corresponding author: [faisal@ukm.edu.my](mailto:faisal@ukm.edu.my)

Received Date: 18 October 2018 • Accepted Date: 30 January 2019

#### **Abstract**

*The mosque is a place of worship for Muslims, but now its role has been extended as a destination for tourists both local and abroad. After the September 11 tragedy, Malaysia highlighted itself as an Islamic tourism destination mainly by elevating certain mosques as tourist attraction mosques. Usually this mosque consists of three components, namely having a comfortable space as a place of worship, having a center for delivering Islamic information and having a unique architecture including attractive historical background. This article discusses three parties involved in marketing and conducting tourism mosque activities government agencies through the Islamic Tourism Center (ITC), Islamic NGOs and the mosque itself. ITC publicizes Malaysia's tourism mosque through websites and organizes training and activities to enhance the management for tourism mosque. Islamic Outreach ABIM (IOA) is an active Islamic NGO conducts the Mosque Tour Guide (MTG) program at 10 tourism mosques throughout the country. The mosque also manages its own volunteer and provides special facilities for tourists.*

**Keywords:** *Tourisme Mosque, Islamic Tourisme Centre, Islamic tourisme*

#### **Abstrak**

Masjid merupakan tempat ibadah orang Islam, namun kini peranannya telah diluaskan kepada menjadi sebuah destinasi pelancongan sama ada kepada pelancong dari dalam negara dan luar negara. Selepas tragedi 11 September, Malaysia mempromosikan dirinya sebagai destinasi pelancongan Islam antaranya dengan mengangkat masjid-masjid tertentu sebagai masjid tumpuan pelancong. Kebiasaannya masjid ini mengandungi tiga komponen iaitu mempunyai ruang yang selesa sebagai tempat ibadah, memiliki pusat penyampaian maklumat Islam dan mempunyai keunikan seni bina termasuklah latar belakang sejarah yang menarik. Artikel ini membincangkan tiga pihak yang menjalankan usaha mempromosikan dan melaksanakan aktiviti masjid

pelancongan iaitu agensi kerajaan melalui Islamic Tourism Centre (ITC), NGO Islam dan masjid itu sendiri. Melalui ITC, masjid pelancongan di Malaysia dipromosikan melalui laman sesawang dan menganjurkan latihan dan aktiviti untuk meningkatkan kecekapan pengurusan masjid pelancongan. Manakala Islamic Outreach ABIM (IOA) merupakan NGO Islam yang aktif melaksanakan program Mosque Tour Guide (MTG) di 10 buah masjid pelancongan seluruh negara. Masjid pula ada yang menguruskan sendiri sukarelawan pemandu pelancong dan penyediaan kemudahan khusus untuk pelancong.

**Kata kunci:** Masjid pelancongan, Islamic Tourism Centre, pelancongan Islam

**Cite as:** Mohd Hilmee Umar & Muhamad Faisal Ashaari. 2019. Pelaksanaan dan pengurusan masjid pelancongan di Malaysia. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 20(1): 163-173.

## PENDAHULUAN

Industri pelancongan merupakan salah satu sektor yang semakin berkembang pesat dan memainkan peranan penting dalam pertumbuhan ekonomi di Malaysia (Fateh 2017; Wan Suzita et al. 2016). Menurut Ahmad Shuib dan Noor Aziz Mohd Nor (1989), industri pelancongan memberikan faedah kepada negara dari sudut sumbangan kepada imbalan pembayaran negara, pembangunan kawasan bukan perindustrian, peluang pekerjaan, peningkatan pendapatan kepada keseluruhan ekonomi menerusi impak pengganda dan pembangunan sosial. Melihat kepada potensi pelancongan ini, Malaysia telah melancarkan Tahun Melawat Malaysia pada tahun 1990 untuk memperkenalkan Malaysia sebagai sebuah destinasi pelancongan dalam kalangan negara Islam. Ia diteruskan lagi kali kedua pada tahun 1994, kali ketiga pada tahun 2007 dan kali keempat pada tahun 2014.

Data Tourism Malaysia (2018) menunjukkan peningkatan ketara bilangan pelancong antarabangsa yang masuk ke Malaysia sejak tahun 2000 sehingga 2017. Pada tahun 2017, bilangan pelancong ke Malaysia ialah seramai 25,948,459 orang meningkat 153.86% berbanding seramai 10,221,582 orang pada tahun 2000. Jadual 1 memaparkan secara terperinci bilangan pelancong antarabangsa yang masuk ke Malaysia dari tahun 2000 hingga 2017.

Jadual 1 Bilangan pelancong antarabangsa ke Malaysia 2000 hingga 2017

Tahun	Bilangan Pelancong Antarabangsa (orang)	Peratus Peningkatan dari tahun sebelum Tahun	Bilangan Pelancong Antarabangsa (orang)	Peratus Peningkatan dari tahun sebelum
2000	10,221,582	0.02009	23,646,191	7.2
2001	12,875,073	26.02010	24,577,196	3.9
2002	13,310,010	3.42011	24,714,324	0.6
2003	10,573,915	-20.62012	25,032,708	1.3
2004	15,703,406	48.52013	25,715,460	2.7
2005	16,431,055	4.62014	27,437,315	6.7
2006	17,546,863	6.82015	25,721,251	-6.3

bersambung...

...sambungan

2007	20,972,822	19.52016	26,757,392	4.0
2008	22,052,488	5.12017	25,948,459	-3.0

Sumber: Tourism Malaysia (2018)

Berdasarkan Jadual 1, peratusan bilangan pelancong antarabangsa dari tahun 2000 hingga 2017 menunjukkan trend peningkatan walaupun terdapat juga penurunan pada beberapa tahun tertentu seperti 2003, 2015 dan 2017. Perkembangan kemasukan pelancong antarabangsa yang sentiasa meningkat saban tahun memberikan keyakinan kepada Malaysia pada tahun 2018 menyasarkan peningkatan ketibaan pelancong seramai 33.1 juta orang dengan pendapatan sebanyak RM134 bilion. Manakala menjelang tahun 2020 pula, Malaysia meletakkan sasaran peningkatan kepada 36 juta orang pelancong dengan jumlah kutipan pendapatan sebanyak RM168 bilion.

Masjid merupakan salah dari tempat yang menarik untuk dilawati oleh pengunjung dari luar negara. Ini adalah sejarah dengan Malaysia yang merupakan sebuah negara Islam yang terkenal dan ia telah menjadi sebuah negara yang menarik ramai pelancong khususnya selepas tragedi 11 September. Sehubungan itu, Islamic Tourism Centre Malaysia telah menjadikan 53 buah masjid di seluruh negara sebagai destinasi pelancongan dan diletakkan dalam ruangan ‘*Mosque Trails In Malaysia*’ (Islamic Tourisme Centre 2018). Artikel ini membincangkan pelaksanaan yang dilakukan oleh Islamic Tourism Centre Malaysia dalam mempromosikan masjid pelancongan ini dan cara pihak berkenaan dalam menguruskan masjid sebagai destinasi pelancongan.

## KONSEP MASJID PELANCONGAN

Masjid sebagai salah satu destinasi pelancongan merupakan suatu destinasi yang mendapat sambutan yang baik dalam kalangan pelancong luar negara sama ada orang Islam mahupun orang bukan Islam. Menurut Kuo (2007), terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi pelancong melawat sesebuah masjid seperti syor rakan-rakan atau ahli keluarga, keinginan mengetahui mengenai Islam, mengikuti panduan di dalam buku pelancongan, keinginan mengenali tradisi masyarakat setempat dan melihat persekitaran dalaman masjid. Dapatkan kajian Lina Munirah Kamarudin dan Hairul Nizam Ismail (2012) pula menunjukkan lawatan ke masjid menjadi salah satu daripada fokus agensi pelancongan ketika mengatur perjalanan ke sesebuah destinasi. Justeru untuk mengenali konsep masjid pelancongan, terdapat tiga komponen yang perlu terdapat bagi sesebuah masjid untuk dikenali sebagai masjid pelancongan.

### 1. Tempat ibadah kepada umat Islam

Masjid menurut Mohd Ismail Mustari et al. (2017) adalah institusi penting sebagai pusat ibadah kepada umat Islam sejak dari zaman Rasulullah SAW. Kessler (2015) bersetuju bahawa peranan sebagai tempat ibadah umat Islam merupakan salah satu komponen menjadikannya faktor yang mendorong para pelancong untuk melawat masjid. Pelaksanaan ibadah yang dimaksudkan bukan sekadar solat lima waktu semata-mata. Malah sebuah masjid pelancongan boleh melaksanakan program hari kebesaran Islam yang dapat ditonjolkan kepada pelancong. Fattah dan Eddy-U (2016) pula berpandangan bahawa pelancong perlu diberikan peluang oleh pengurusan masjid untuk menimba pengalaman melihat sendiri aktiviti ibadah umat Islam seperti solat Jumaat dan sambutan hari raya korban bagi memahami ajaran Islam dengan lebih dekat.

## 2. Pusat penyampaian maklumat berkaitan agama Islam dan masjid

Sebuah masjid pelancongan perlu memiliki komponen sebagai pusat dakwah dan tempat penyampaian maklumat. Abd Hadi Borham et al. (2015) bersetuju bahawa masjid perlu memainkan peranan yang penting dalam mendedahkan atau memperkenalkan Islam kepada bukan Islam termasuk para pelancong. Malah kajian Mansor et al. (2015) turut mengukuhkan lagi pandangan tersebut bahawa masjid perlu menyediakan perkhidmatan pemandu pelancong bagi membimbing pelancong bukan Islam agar mendapat maklumat yang tepat mengenai Islam dan masjid.

## 3. Mempunyai keunikan pada seni bina dan latar belakang sejarah

Terdapat banyak kajian yang menunjukkan keunikan seni bina dan sejarah yang terdapat pada sesebuah masjid menarik minat pelancong untuk mengunjungi masjid. Oleh yang demikian, dapat difahami bahawa komponen seni bina dan sejarah adalah amat penting dalam menentukan sama ada sebuah masjid itu boleh dikenali sebagai masjid pelancongan atau tidak. Membuktikan perkara ini, kajian Badaruddin Mohamed dan Rahmat Azam Mustafa (2005), Maimunah Abdul Aziz et al. (2016) dan Mohamad Zulhilmy dan Rosilah Man (2016) menjelaskan keunikan seni bina dan peninggalan sejarah yang terdapat pada sesebuah masjid telah berjaya menarik minat para pelancong termasuk pelancong bukan Islam dari pelbagai negara. Manakala Ezwani Azmi dan Muhamad Zamani Ismail (2016), Kessler (2015) dan Salbiah Abd Rahman (2010) turut bersetuju bahawa kesan sejarah yang menarik menjadikan sesebuah masjid itu sebagai tumpuan di sesebuah destinasi pelancongan.

## PELAKSANAAN MASJID PELANCONGAN DI MALAYSIA

Masjid merupakan institusi penting terhadap umat Islam di Malaysia dan negara amnya (Mariam & Marlon Pontino Guleng 2016; Majdi 2014; Majdi 2014). Bagi menggambarkan kedudukan agama Islam di Malaysia, King (1992) berpendapat gambaran utama yang boleh membuktikan perkara ini ialah kewujudan masjid di setiap penempatan masyarakat seluruh negara. Perkara ini sejajar dengan statistik JAKIM (2018) yang merekodkan bilangan masjid di seluruh negara adalah sebanyak 6,315 buah. Oleh kerana itu, usaha mempromosikan masjid sebagai destinasi menarik di Malaysia kepada pelancong bukan Islam akan membantu dalam memulihkan salah anggap mereka terhadap Islam dan isu Islamofobia melalui pendekatan dakwah yang disampaikan (Maimunah et al. 2016).

Namun antara cabaran awal ialah masih terdapat salah anggap segelintir masyarakat di Malaysia bahawa masjid adalah eksklusif kepada umat Islam dan menjadi kawasan larangan kepada orang bukan Islam (Butler et al. 2014). Sedangkan pada pandangan orang bukan Islam, kuil Hindu dan Buddha adalah terbuka kepada semua golongan masyarakat. Oleh itu usaha untuk mempromosikan masjid sebagai tempat terbuka yang boleh menerima kunjungan bukan Islam perlu dilakukan secara kolektif oleh semua pihak terutamanya pihak pengurusan masjid. Bagi menjelaskan kekeliruan ini, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali ke-90 pada 1 Mac 2010 telah memutuskan pelancong bukan Islam diharuskan untuk memasuki masjid dan ruang solat setelah mendapat kebenaran daripada pihak pengurusan masjid (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia 2015). Walau bagaimanapun, pelancong dikehendaki mengawal tingkah laku supaya tidak mencemarkan kesucian masjid dan mengikut adab di dalam masjid.

Di Malaysia, pihak yang berusaha dalam pelaksanaan masjid pelancongan dikenalpasti terdiri daripada tiga pihak utama. Pertama adalah dari pihak ITC, kedua dari pihak NGO Islam dan ketiga daripada pihak pengurusan masjid sendiri.

## 1. Islamic Tourism Centre (ITC)

Sejak awal tahun 2000, Maimunah Abdul Aziz et al. (2016) menjelaskan kerajaan Malaysia secara komited menggalakkan masjid sebagai destinasi pelancongan. Institusi masjid dijadikan sebagai lokasi tarikan utama yang menjadi tumpuan para pelancong domestik dan luar negara dalam memperkenalkan Malaysia sebagai destinasi pelancongan Islam (Mohamad Zulhilmy & Rosilah 2016).

Usaha memartabatkan masjid pelancongan di Malaysia oleh kerajaan Malaysia telah dilaksanakan melalui penubuhan Islamic Tourism Centre Malaysia (ITC) pada tahun 2009 di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia. Antara usaha yang dilaksanakan adalah memperkenalkan '*Mosque Trail in Malaysia*' dan mempromosikan 53 buah masjid pelancongan di seluruh negara melalui laman sesawang rasmi ITC (Islamic Tourisme Centre 2018). Jadual 3 menunjukkan senarai masjid-masjid pelancongan yang disenaraikan oleh ITC. Menerusi laman ini, pelancong-pelancong di seluruh dunia akan dapat mengakses maklumat ringkas mengenai masjid-masjid tersebut dan secara langsung turut mempromosikannya di seluruh dunia. Antara perkara yang diserahkan bagi menarik minat pelancong adalah kepelbagaiannya dari segi keunikan senibina masjid pelancongan di Malaysia.

Bagi membuktikan kesungguhan dalam menjadikan masjid sebagai destinasi pelancong di negara ini, ITC juga melaksanakan pelbagai program bagi memantapkan pengurusan masjid-masjid pelancongan. Antara program yang dilaksanakan ialah Konvensyen Masjid-masjid Pelancong Malaysia, Bengkel Pelancongan Islam (Bahagian Pengurusan Masjid) dan Persidangan Meja Bulat Imam Peringkat Kebangsaan Edisi Masjid Pelancongan. Di dalam program tersebut, fokus yang diberi keutamaan ialah memberi pendedahan mengenai manfaat pelancongan masjid kepada pelancong Islam dan bukan Islam serta menggalakkan kepada pihak pengurusan masjid untuk menyediakan kemudahan-kemudahan khusus kepada para pelancong.

Jadual 3 Senarai masjid pelancongan di dalam laman sesawang ITC

<b>Sabah</b>	<b>Sarawak</b>	<b>Johor</b>
Masjid Negeri Sabah	Masjid Jamek Negeri Sarawak	Masjid Kota Iskandar
Masjid Bandaraya Kota Kinabalu	Masjid Jabal An-Nur	Masjid Sultan Ismail
Masjid An-Nur, Tuaran	Masjid Asy-Syakirin, Bintulu	Masjid Jamek Sultan Ibrahim
Masjid Besar Sandakan	Masjid Al-Muttaqin	Masjid Sultan Abu Bakar
Masjid Raya Kota Belud	Masjid Bahagian Kuching	
<b>Melaka</b>	<b>Negeri Sembilan</b>	<b>Selangor</b>
Masjid Al-Azim	Masjid Negeri Sembilan	Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
Masjid Selat Melaka	Masjid Diraja Tuanku Munawir	Masjid Sultan Alauddin
Masjid Kampung Kling	Masjid Jamek Seremban	Masjid Jamek Sultan Abdul Aziz
Masjid Kampung Hulu		Masjid Sultan Abdul Samad Klia
Masjid Tengkera		Masjid Bandar Diraja Klang
Masjid Peringgit		

bersambung...

...sambungan

<b>Perak</b>	<b>Kedah</b>	<b>Perlis</b>
Masjid Diraja Ubudiah	Masjid Al-Ghufran	Masjid Al-Hussain
Masjid An-Nur, Universiti Teknologi Petronas	Masjid Al-Bukhary	Masjid Alwi
Masjid Sultan Idris Shah II	Masjid Zahir	
<b>Kelantan</b>	<b>Terengganu</b>	<b>Wilayah Persekutuan</b>
Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Petra	Masjid Kayu Seberang Jertih	Masjid Negara
Masjid Sultan Ismail Petra	Masjid Sultan Mahmud, Bandar Al-Muktafi Billah Shah	Masjid Putra Putrajaya
Masjid Kampung Laut	Masjid Kristal	Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin Putrajaya
Masjid Muhammadi	Masjid Tengku Tengah Zaharah	Masjid Jamek An-Nur Labuan
	Masjid Sultan Zainal Abidin	Masjid Jamek Sultan Abdul Samad
	Masjid Al-Muktafi Billah Shah	Masjid Asy-Syakirin KLCC
		Masjid Wilayah Persekutuan

Sumber: ITC Malaysia (2018)

Biarpun sebanyak 53 buah masjid yang disenaraikan sebagai destinasi pelancongan, namun tidak semua masjid itu aktif menjalankan usaha yang berkaitan dengan pelancongan. Dalam senarai yang dikeluarkan oleh pihak ITC tersebut, masjid-masjid pelancongan di Pulau Pinang dan Pahang belum disenaraikan kerana masih dalam proses pengemaskinian. Kebanyakan masjid yang serius ialah masjid yang mempunyai jumlah pelancong yang ramai dari luar negara. Keseriusan ini dilihat berdasarkan kepada usaha mereka yang mewujudkan sukarelawan yang menjalankan usaha secara khusus untuk melayan para pelancong dari luar. Kesungguhan pihak kerajaan dalam menjadikan masjid sebagai destinasi pelancongan terbukti apabila di dalam Anugerah Pilihan Pengembara TripAdvisor Tahun 2017, tiga buah masjid telah tersenarai di antara 10 mercu tanda terbaik di Malaysia iaitu Masjid Putra di Putrajaya, Masjid Negara di Kuala Lumpur dan Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di Shah Alam (Hafiz Ithnin 2018).

## 2. Pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Islam

Islamic Outreach ABIM (IOA) adalah pertubuhan NGO Islam yang mempelopori program masjid pelancongan di Malaysia ketika ini. Program yang dilaksanakan oleh IOA ialah penyediaan perkhidmatan pemandu pelancong masjid atau dikenali sebagai *Mosque Tour Guide* (MTG) (Mohd Yazid Saad 2012). IOA telah ditubuhkan pada tahun 1987 dan merupakan salah satu agensi yang bernaung di bawah Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM). IOA ialah sebuah NGO Islam di negara ini yang bergerak aktif dalam merancang dan melaksanakan program-program dakwah bagi menarik minat masyarakat non-Muslim untuk memahami Islam serta memeluknya. Mahfuzah Zohdi et al. (2014) menjelaskan MTG telah mula dilaksanakan sejak tahun 2003 dan melibatkan masjid-masjid utama di bawah seliaan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bermula tahun 2010. Aktiviti ini bertujuan bagi memastikan kehadiran pelancong terutama yang bukan beragama Islam mendapat maklumat dan panduan yang tepat mengenai masjid dan agama Islam.

Berdasarkan tembual dengan Kamariah Sulaiman (2018), pihak IOA menyediakan khidmat MTG di 10 buah masjid seluruh negara. Masjid-masjid tersebut ialah Masjid Negara, Masjid Jamek Sultan Abdul Samad Kuala Lumpur, Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin dan Masjid Putra di Putrajaya,

Masjid Zahir di Alor Setar, Kedah, Masjid Kampung Kling dan Masjid Selat di Melaka, Masjid Muhammadi di Kota Bahru, Kelantan, Masjid Panglima Kinta di Ipoh, Perak dan Masjid Kota Iskandar di Johor Bahru, Johor.

Melalui pemerhatian yang dijalankan terhadap program MTG oleh IOA, terdapat beberapa pengisian yang dijalankan kepada pelancong-pelancong. Rata-rata pelancong meluangkan masa sekitar 20 hingga 40 minit bergantung kepada kesesuaian masa mereka. Ketika pelancong tiba di masjid, sukarelawan bertugas atau pengawal keselamatan akan menyambut mereka dengan mesra di hadapan pagar dan mendaftar di kaunter informasi masjid. Bagi pelancong wanita, mereka akan dipinjamkan jubah labuh yang menutupi rambut dan badan mereka. Manakala pelancong lelaki yang berseluar pendek pula dipinjamkan kain. Sebelum masuk ke dalam ruangan masjid, pelancong-pelancong akan diberikan taklimat berkaitan adab ketika di dalam kawasan masjid, pengenalan mengenai sejarah dan seni bina masjid serta maklumat ringkas berkaitan Islam dan kepentingan masjid kepada umat Islam. Kemudian para pelancong bebas untuk melawati persekitaran dan ruang masjid yang ditetapkan. Sukarelawan yang bertugas akan berada di beberapa lokasi sekitar kawasan masjid. Sebagai contoh ketika di kawasan dewan solat, sukarelawan akan menjelaskan fungsi mihrab, mimbar, saf solat dan sebagainya. Selain itu, penerangan yang disampaikan juga akan dimasukkan maklumat berkaitan Islam seperti mengenai Allah SWT, Nabi Muhammad SAW, ibadat dalam Islam dan ayat-ayat al-Quran yang terdapat di masjid.

Bagi memberikan gambaran yang jelas, terdapat masjid yang memberi peluang kepada para pelancong melihat sendiri pelaksanaan ibadat di dalam Islam. Sebagai contoh, Yahya Mahyuddin Utoh Said (2018) menjelaskan di Masjid Jamek Sultan Abdul Samad pelancong bukan Islam turut diberi peluang melihat praktikal wuduk dan pelaksanaan solat berjemaah ketika waktu Zohor dan Asar dalam keadaan terkawal. Ketika itu sukarelawan juga turut memberikan penjelasan mengenai pergerakan di dalam solat dan menjawab persoalan yang dikemukakan. Laluan khusus untuk ke dewan solat disediakan agar tidak mengganggu pergerakan keluar masuk jemaah yang ingin mendirikan solat.

Bagi mempertingkatkan kemahiran di kalangan sukarelawan MTG yang bertugas, pihak IOA juga mengadakan kerjasama dengan pihak masjid dalam melaksanakan Kursus Pemandu Pelancong. Menurut Mahfuzah Zohdi et al. (2014), bagi pelancong bukan Islam yang berminat untuk mendapatkan maklumat mengenai Islam dengan lebih terperinci, IOA telah menerbitkan dan mengedarkan kepada pelancong yang mengunjungi masjid pelancongan pelbagai risalah yang merangkumi bahasa Inggeris, Sepanyol, Mandarin dan Jepun. Antara tajuk-tajuk risalah yang telah diterbitkan ialah *Who Is Allah, Prayer In Islam, Becoming Muslim, Why Can't I Pray My Way, 20 Most Common Questions about Islam, Belief in One God, Too Late For Tears, Sharing and Living Islam* dan sebagainya.

Selain IOA terdapat juga NGO Islam lain yang memberikan perkhidmatan pemandu pelancong di masjid. Menurut Norhafiza Musa (2013), Persatuan Darul Fitrah Malaysia Cawangan Terengganu juga merupakan sebuah NGO Islam yang melaksanakan Program Pemandu Pelancong Masjid di Masjid Kristal, Taman Tamadun Islam (TTI) sejak tahun 2012. Melalui kerjasama kerajaan negeri Terengganu, Persatuan Darul Fitrah Malaysia Cawangan Terengganu telah menganjurkan Program Pelancongan Masjid Negeri Terengganu pada 18 September 2018 bagi memantapkan lagi masjid pelancongan di negeri tersebut.

Di Sabah, menurut Mansor et al. (2015) Ukhwah Samara merupakan sebuah NGO yang mengendalikan program masjid pelancongan di Masjid Bandaraya Kota Kinabalu dan turut mengadakan program Pensijilan Pemandu Pelancong Masjid bagi melatih sukarelawan dalam mengendalikan

pelancong. Melalui program pensijilan ini, di samping meningkatkan tahap profesionalisme pemandu pelancong ia juga bertujuan untuk meningkatkan pendapatan masjid.

### 3. Masjid

Pihak pengurusan masjid turut mengambil inisiatif dalam menjalankan program masjid pelancongan. Sebagaimana program MTG yang dikendalikan oleh IOA, terdapat juga masjid yang mengendalikan aktiviti pelancongan secara bersendirian tanpa khidmat pihak NGO. Menurut Mohd Zuhairee (2018), Masjid Wilayah Persekutuan di Kuala Lumpur melaksanakan program yang dinamakan *Masjid Tour Program* (MTP) yang mana segala aktiviti pelancongan adalah di bawah kelolaan masjid sendiri. Bilangan sukarelawan yang berkhidmat di dalam program MTP di Masjid Wilayah Persekutuan terkini telah mencecah 84 orang. Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di Shah Alam, Selangor juga turut melaksanakan program pelancongan masjid dengan sendiri tanpa melibatkan khidmat pihak NGO.

Antara usaha masjid pelancongan juga ialah menyediakan kemudahan khusus kepada para pelancong. Antaranya ialah bilik air yang bersih dan selesa, penunjuk arah yang terdiri daripada pelbagai bahasa seperti bahasa Arab, Inggeris dan Cina serta kiosk yang menjual cenderamata, minuman dan makanan ringan. Sebagai contoh Masjid Negara menyediakan bilik air khusus dan kiosk yang menjual cenderamata kepada para pelancong. Kaunter pelancongan atau kaunter informasi disediakan bagi memudahkan urusan penyampaian maklumat dan bahan-bahan terbitan. Bagi memastikan pelancong berpakaian sopan dan menjaga adab ketika di dalam masjid, jubah khusus untuk wanita dan kain untuk lelaki disediakan dan dipinjamkan kepada mereka sebelum masuk ke dalam kawasan persekitaran serta dalam masjid.

Manakala di Masjid Wilayah Persekutuan pula, kemudahan penginapan kepada pelancong turut disediakan. Perkara ini selari dengan kajian Noor Fiteri (2013) yang mencadangkan keperluan bagi sebuah masjid pelancongan agar menyediakan kemudahan penginapan yang selesa kepada pelancong. Walau bagaimanapun, menurut Noor Fiteri, penginapan yang disediakan adalah khusus kepada pelancong muslim sahaja.

Persekitaran yang bersih dan selesa merupakan aspek penting yang perlu dititik beratkan di masjid-masjid pelancongan. Salleh et al. (2013) menjelaskan persekitaran yang bersih memberikan keselesaan dan menjamin tahap kesihatan para pelancong ketika berada di sesebuah lokasi pelancongan. Zaimah Ramli et al. (2015) juga mendapati tahap kepuasan tinggi pelancong terhadap sesebuah lokasi adalah disebabkan faktor kebersihan, kualiti persekitaran, dan keselamatan.

Dari segi aktiviti pula, terdapat masjid yang mengambil inisiatif melaksanakan program rekreasi kepada para pelancong. Masjid Bandaraya Kota Kinabalu di Sabah memanfaatkan lokasi masjid yang dikelilingi air dengan menyediakan aktiviti taman rekreasi air dan bot. Di Masjid Jamek Sultan Abdul Samad Kuala Lumpur pula memberi peluang kepada pelancong untuk melakukan aktiviti memanah pada setiap hari Sabtu dan mendapat sambutan yang sangat baik.

Di dalam mengendalikan aktiviti pelancongan di masjid, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah menerbitkan Garis Panduan Pelancongan dan Lawatan ke Masjid (JAKIM 2010). Di dalam garis panduan tersebut JAKIM menetapkan beberapa peraturan seperti mewujudkan ruang informasi, menyediakan pakaian atau jubah bagi memastikan pelancong berpakaian menutup aurat, menentukan ruang yang boleh dilawati, menyediakan khidmat pemandu pelancong masjid, tatacara sambutan, etika kelakuan pelancong dan kemudahan khusus untuk pelancong. Garis panduan yang

dikeluarkan tersebut merupakan usaha yang sangat baik bagi memelihara kesucian masjid di samping Pihak masjid juga perlu memastikan para pelancong tidak menjelaskan kemuliaan masjid dan agama Islam terpelihara. Kamarulzaman Mustappa (2012) menegaskan perbuatan pelancong bukan Islam yang berdoa dan bertafakur mengikut cara agama mereka dalam keadaan yang menimbulkan fitnah adalah dilarang.

## KESIMPULAN

Sebagai sebuah destinasi pelancongan Islam, Malaysia sangat bertuan kerana mempunyai banyak masjid yang boleh diangkat sebagai masjid pelancongan. Konsep masjid pelancongan ialah masjid yang menjadi pusat ibadah tetapi dalam masa yang sama boleh menarik minat pelancong disebabkan seni bina yang unik dan sejarah yang hebat, sekali gus berperanan menyebarkan maklumat berkaitan Islam. Pelancong yang datang ke masjid perlu ada yang memberi khidmat bimbingan dari masjid yang boleh menyampaikan maklumat yang lengkap kepada mereka sama ada melalui lisan ataupun bahan bercetak. Setakat ini terdapat tiga pihak yang menjalankan usaha bimbingan ini iaitu; ITC, NGO dan pihak masjid. Secara skala besar, pihak ITC telah berperanan mempromosikannya masjid pelancongan sebagai salah satu tarikan pelancongan Malaysia. Manakala NGO Islam dan masjid telah berperanan untuk mengisi usaha ini. Walau bagaimanapun, semua usaha ini perlu ditingkatkan lagi menerusi latihan kepada petugas dan menjaga keaslian kesenian seni bina serta mewujudkan prasarana yang sesuai untuk menerima kehadiran pelancong.

Pengurusan masjid perlu melaksanakan strategi dan mengambil pendekatan membuka masjid agar mampu memberi daya tarikan terhadap minat pelancong terutamanya yang bukan Islam merasai pengalaman dalam memahami ibadat umat Islam dengan lebih dekat. Keadaan masjid-masjid pelancongan seluruh negara juga sewajarnya diberi perhatian oleh agensi kerajaan berkaitan dan pihak swasta dalam memeliharanya sebagai khazanah yang berharga untuk negara. Menerusi pengurusan masjid pelancongan yang baik, diharapkan agar pelancong dapat maklumat dan pengalaman yang berkaitan dengan masjid yang secara tidak langsung boleh merungkai tuduhan dan keraguan terhadap umat Islam.

## RUJUKAN

- Abd Hadi Borham, Wahyu Hidayat Abdullah, Mohamad Marzuqi Abdul Rahim, Muhammad Hasbi Abdul Rahman & Rahman, M.H.A. 2015. Imperatif institusi masjid dalam pendedahan Islam kepada pelancong. *Persidangan Antarabangsa Kedua Komunikasi, Media, Teknologi Maklumat, Alam Sekitar, Pelancongan, Ekonomi, Politik, Seni dan Warisan (ICDETAH 2017)*, hlm. 4.
- Ahmad Shuib & Noor Aziz Mohd Nor. 1989. Analisis permintaan pelancongan di Malaysia. *Pertanika* 12(3): 425-432.
- Badaruddin Mohamed, Rahmat Azam Mustafa, Alip Rahim & Sia, R.J.L. 2005. Heritage tourism in a multicultural society: The Case of Malaysia. *3rd Global Summit on Peace through Tourism-Education Forum. Forum Proceedings*, hlm. 141–147.
- Butler, G., Khoo-Lattimore, C. & Mura, P. 2014. Heritage tourism in Malaysia: Fostering a collective national identity in an ethnically diverse country. *Asia Pacific Journal of Tourism Research* 19(2): 199–218. doi:10.1080/10941665.2012.735682
- Ezwani Azmi & Muhamad Zamani Ismail. 2016. Cultural heritage tourism: Kapitan Keling mosque as a focal point & symbolic identity for Indian Muslim in Penang. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 222: 528–538. doi:10.1016/j.sbspro.2016.05.211

- Fateh Habibi. 2017. The determinants of inbound tourism to Malaysia: A panel data analysis. *Current Issues in Tourism* 20(9): 909-930. doi:10.1080/13683500.2016.1145630
- Fattah, A.A. & Eddy-U, M.E. 2016. Mosque-visiting: Motivations and experiences of non-Muslim visitors at the al-Azhar Mosque in Egypt. *Turizam* 20(3): 105-127. doi:10.18421/TRZ20.03-01
- Hafiz Ithnin. 2018. Destinasi mesra Muslim. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/santai/2018/08/372135/destinasi-mesra-muslim>.
- Islamic Tourisme Centre. 2018. About Islamic Tourism Centre. *Islamic Tourism Centre Website*. <http://www.itc.gov.my>.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 2010. *Garis Panduan Pelancongan dan Lawatan ke Masjid*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. [http://e-muamalat.gov.my/sites/default/files/garis\\_panduan\\_pelancongan\\_dan\\_lawatan\\_ke\\_masjid.pdf](http://e-muamalat.gov.my/sites/default/files/garis_panduan_pelancongan_dan_lawatan_ke_masjid.pdf)
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 2015. *Kompilasi Muzakarah Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan*. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. [www.islam.gov.my%0Awww.e-fatwa.gov.my](http://www.islam.gov.my%0Awww.e-fatwa.gov.my).
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 2018. Masjid Malaysia. *Portal Masjid Malaysia Jabatan Kemajuan Islam Malaysia*. <http://masjid.islam.gov.my/> [10 Ogos 2018].
- Kamariah Sulaiman. 2018. Pelaksanaan Mosque Tour Guide oleh Islamic Outreach ABIM. Temu bual, 5 Oktober.
- Kamarulzaman Mustappa. 2012. Status pelancong bukan Islam memasuki masjid dan ruang solat utama di dalam masjid menurut perspektif syarak. *Jurnal Penyelidikan Islam* 25: 18-32.
- Kessler, K. 2015. Conceptualizing mosque tourism: A central feature of Islamic and religious tourism. *International Journal of Religious Tourism and Pilgrimage* 3(2): 23. doi:10.21427/D7RB0G
- King, V.T. 1992. Tourism and culture in Malaysia. *Asian Journal of Social Science* 20(1): 1-17. doi:10.1163/080382492X00013
- Kuo, I.-L. 2007. Where West meets the Middle East-Jumeirah Mosque Visit. *Tourism Recreation Research* 32(3): 31–38. doi:10.1080/02508281.2007.11081537
- Lina Munirah Kamarudin & Hairul Nizam Ismail. 2012. Membudayakan pelancongan Islam di Malaysia: Strategi dan isu. *SIMPORA 9:2012 The 9th Regional Symposium of the Malay Archipelago Universiti Teknologi MARA (Perak), Malaysia*, hlm. 9.
- Mahfuzah Zohdi, Yusri Mohamad Ramli & Jaffary Awang. 2014. Peranan dan sumbangan JAKIM dalam dialog antara agama. *International Journal of Islamic Thought* 6(Dec): 26–36.
- Maimunah Abdul Aziz, Mansor Ibrahim, Puteri Shireen Jahnkassim & Alias Abdullah. 2016. Issues and potential of mosque as a spiritual tourism destination in Malaysia. *Proceedings of ISER 22nd International Conference*, hlm. 8.
- Majdi Mohamad Nor. 2014. Persepsi remaja terhadap khutbah jumaat di masjid kelolaan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) 158.
- Mansor, N., Ariffin, R., Nordin, R. & Salleh, M.A. 2015. Mosque tourism certification in waqf management: A Model by Ukhwah Samara. *Social Sciences and Humanities* 23: 291–304.
- Mariam Abd. Majid & Marlon Pontino Guleng. 2016. Masjid dan aplikasi pendekatan dakwah terhadap masyarakat multi etnik di Malaysia. *Jurnal Hadhari* 8(81): 31–48.
- Mohamad Zulhilmy & Rosilah Man. 2016. A study on the tourist interpretation applied in Sultan Ahmad 1 Mosque, Kuantan, Pahang Darul Makmur. *Asia Tourism Forum 2016 - The 12th Biennial Conference of Hospitality and Tourism Industry in Asia (ATF-16)*, hlm. 463-467.
- Mohd Ismail Mustari, Bushrah Basiron, Kamarul Azmi Jasmi, Ajmain@Jimain Safar & Azhar Muhammad. 2017. Membangun potensi masjid sebagai sebuah institusi pendidikan Islam & masyarakat. *Tinta Artikulasi Membina Ummah (TAMU)* 3(2): 16.
- Mohd Yazid Saad. 2012. Aplikasi ilmu perbandingan agama dalam pendekatan dakwah non-Muslim: Kajian terhadap Program Islamic Outreach ABIM. Universiti Malaya.

- Mohd Zuhairee Md Yatim. 2018. Aktiviti pelancongan Masjid Wilayah Persekutuan. Temu bual, 5 Oktober.
- Noor Fiteri Abdullah. 2013. Pengendalian urusan penginapan pelancong di masjid: Kajian kes Di wilayah utara Semenanjung Malaysia. Universiti Utara Malaysia.
- Norhafiza Musa. 2013. Pemandu pelancong masjid berdakwah. *Sinar Harian*, April 28. <http://www.sinarharian.com.my/bisnes/pemandu-pelancong-masjid-berdakwah-1.154859>.
- Salbiah Abd Rahman. 2010. Malay cultural and heritage tourism at Bukit Chandan, Kuala Kangsar, Perak, Malaysia. *UNITAR e-Journal Diagram* 6(2): p54-64.
- Salleh, N.H.M., Idris, S.H., Shukor, M.S. & Othman, R. 2013. Rangsangan motivasi ketibaan pelancong asing mengikut kawasan ke Malaysia. *Jurnal Teknologi (Sciences and Engineering)* 64(1): 41–50. doi:10.11113/jt.v64.1581
- Tourism Malaysia. 2018. My Tourism Data. *Tourism Malaysia Website*. <http://mytourismdata.tourism.gov.my/> [5 September 2018].
- Wan Suzita Wan Ibrahim, Habibah Ahmad, Hamzah Jusoh, Mohd Fuad Mat Jali & Mushrifah Idris. 2016. Pergerakan pelancong dan kesannya terhadap destinasi pelancongan wilayah Tourists' movement and impacts on regional tourism destination. *GEOGRAFIA Online TM Malaysia Journal of Society and Space* 12(11): 169-186.
- Yahya Mahyuddin Utoh Said. 2018. Aktiviti pelancongan Masjid Jamek Sultan Abdul Samad Kuala Lumpur. Temu bual, 5 Oktober.
- Zaimah Ramli, Sarmila, Habibah, Hamzah, Nurain Sahazali & Abdul Jalil. 2015. Kepuasan pelancong dengan Melaka sebagai destinasi pelancongan lestari: Satu kajian persepsi. *Malaysian Journal of Society and Space* 1(1): 135–142.